


# NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation

## MENCIPTA STANDARD, MEMBINA LEGASI

Oktober 2026 | eISSN : 3093-6543

# PROGRAM CSR ABSTRAK BERSAMA KOLEJ VOKASIONAL JUASSEH: PERTUKARAN ILMU BUDAYA DALAM MEMPERKASA WARISAN SENI TRADISIONAL

**Dzeelfa Zainal Abidin & Anis Shahira Bazlan***
Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

anisshahira@uitm.edu.my

Program CSR ABSTRAK Bersama Kolej Vokasional Juasseh: Pertukaran Ilmu Budaya merupakan satu inisiatif khidmat masyarakat yang menekankan pemindahan ilmu dua hala dalam bidang seni budaya tradisional. Ini dilakukan melalui kolaborasi strategik di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Kolej Vokasional Juasseh dengan sokongan pihak industri, Jalen Sdn. Bhd. Program yang berlangsung dari 28 hingga 30 November 2025 di Dewan Batu Hampar, Kolej Vokasional Juasseh ini dirangka sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang memberi peluang kepada mahasiswa dan komuniti untuk berkongsi kepakaran secara berstruktur dan bermakna.

Penganjuran program ini adalah untuk menangani isu pengurangan pendedahan generasi muda terhadap seni budaya tradisional seperti seni teater randai, tarian terinai, dan muzik tradisional Cak Lempong. Pada hari ini, kekangan dari segi kepakaran, masa latihan dan platform kolaboratif menyebabkan potensi bakat pelajar dalam bidang seni warisan tidak dapat dikembangkan secara optimum. Justeru, program ini dilaksanakan bagi merapatkan jurang tersebut melalui pendekatan latihan berfasa, pengajaran bersama serta persembahan sebagai medium aplikasi praktikal.



Gambar 1 : Bengkel Tarian Terinai bersama pelajar Kolej Vokasional Juasseh



Gambar 2: Sesi pertukaran ilmu permainan muzik tradisional Cak Lempong

Seramai 27 orang pelajar Kolej Vokasional Juasseh telah terlibat secara langsung sebagai komuniti sasaran, manakala pensyarah UiTM bertindak sebagai pemunya ilmu dan jurulatih dengan sokongan mahasiswa dan mahasiswi Kelab ABSTRAK sebagai fasilitator. Pemindahan ilmu daripada pihak UiTM memberi fokus kepada kemahiran tarian randai, tarian terinai dan elemen lakonan teater, meliputi aspek teknik pergerakan, disiplin gerak, ekspresi persembahan dan penghayatan watak. Sebagai pertukaran ilmu dua hala pula, pelajar Kolej Vokasional Juasseh memindahkan kemahiran permainan muzik tradisional Cak Lempong kepada mahasiswa dan mahasiswi UiTM, melalui pengajaran dalam teknik pukulan, penghasilan irama dan keserasian tempo.

Pelaksanaan program bermula dengan persediaan pra-program selama tiga minggu membolehkan peserta melalui proses pembelajaran yang sistematik dan progresif. Latihan berperingkat, sesi dalam talian, latihan gabungan serta bimbingan berterusan telah membantu peserta menguasai kemahiran secara praktikal sebelum dipersembahkan dalam Majlis Persembahan dan Penutup pada 30 November 2025 di hadapan pihak pengurusan institusi, wakil industri, ibu bapa dan komuniti setempat.



Gambar 3: Persembahan Teater Randai Malin Kundang semasa majlis penutup

Dari sudut impak, dapatan soal selidik menunjukkan bahawa program ini telah memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA) dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional Juasseh. Sebanyak 92.8% peserta mengakui program ini memberikan pendedahan baharu terhadap seni budaya tradisional, manakala 96.4% menyatakan aktiviti pertukaran ilmu yang dilaksanakan adalah berkesan dan membantu mereka mempelajari kemahiran baharu. Selain itu, 89.3% peserta bersetuju bahawa berlaku pertukaran ilmu dua hala antara pelajar dan pihak UiTM, dan kesemua peserta menyatakan bahawa kemahiran yang diperoleh boleh diaplikasikan pada masa hadapan. Program ini turut meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk membuat persembahan serta memupuk minat yang berterusan terhadap seni budaya warisan.

Selain memberi manfaat kepada komuniti, penglibatan aktif mahasiswa dalam perancangan dan pelaksanaan program telah memperkukuh pembangunan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan pengurusan program. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang digunakan turut berfungsi sebagai pemindahan teknologi bukan fizikal melalui perkongsian kaedah, teknik dan amalan terbaik dalam pengajaran seni budaya tradisional.

Secara keseluruhan, Program CSR ABSTRAK Bersama Kolej Vokasional Juasseh: Pertukaran Ilmu Budaya telah berjaya menyediakan platform pemindahan ilmu budaya yang berstruktur, kolaboratif dan berimpak tinggi. Kejayaan program ini bukan sahaja dapat dilihat melalui peningkatan kefahaman dan penguasaan kemahiran peserta, malah melalui perubahan positif dari segi minat, keyakinan diri dan aspirasi mereka untuk menjadi pewaris seni budaya tradisional. Program ini mencerminkan komitmen berterusan UiTM dalam memperkukuh jaringan universiti, komuniti dan industri serta menyokong kelestarian warisan budaya melalui pendekatan pendidikan yang bermakna dan inklusif.




Gambar 4: Gambar kenangan peserta bersama tetamu kehormat